



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

MAJLIS PELANCARAN SESI LIBAT URUS BERSAMA PENGURUS SUMBER MANUSIA (HR DAY) DAN KAUNTER MYPESARA

-
1. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang memperluaskan kaunter perkhidmatan pesara (MyPesara) di setiap pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK Negeri) bagi memudahkan urusan para pesara kerajaan untuk mendapatkan khidmat nasihat dan panduan berhubung dengan hal ehwal persaraan. Usaha ini telah dilaksanakan mulai April 2019.
 2. JPA selaku jabatan yang bertanggungjawab ke atas pesara Kerajaan melihat usaha ini sebagai satu langkah kerajaan menambahbaik kepentingan perkhidmatan persaraan supaya kebijikan golongan pesara kerajaan sentiasa diberikan keutamaan yang sewajarnya.
 3. Di samping itu juga, JPA melihat faktor lokaliti yang hampir dengan golongan pesara kerajaan sebagai pelaksanaan pantas untuk meningkatkan kepuasan pelanggan serta meminimumkan kos kepada kerajaan dan golongan pesara. Pada masa kini, perkhidmatan kaunter pesara hanya beroperasi di beberapa lokasi seperti di JPA Putrajaya, Bahagian Pasca Perkhidmatan Cawangan Sabah, Bahagian Pasca Perkhidmatan Cawangan Sarawak serta Jabatan Perkhidmatan Persaraan, KWAP di Cyberjaya, Selangor.
 4. Ketiadaan pejabat selain negeri yang dinyatakan tersebut amat menyukarkan golongan pesara untuk hadir bagi mendapatkan perkhidmatan. Sehubungan itu, bagi meningkatkan tahap perkhidmatan yang lebih berkesan dan menyeluruh, usaha kerajaan menempatkan kaunter perkhidmatan di setiap Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dilihat sebagai usaha murni yang dapat mengurangkan beban dan kos kewangan pesara memandangkan jarak perjalanan dapat dikurangkan. Rata-rata mereka ini, lebih selesa untuk datang berurus secara bersemuka untuk mendapatkan khidmat nasihat.
 5. Faktor teknologi turut menghadkan perhubungan pesara dalam mendapatkan maklumat berkaitan hal ehwal persaraan memandangkan sebahagiannya golongan pesara ini kurang mahir mengakses laman media baharu JPA dan ada di kalangan mereka juga tidak memiliki kemudahan telefon yang boleh mengakses terus kepada perisian MyPesara.
 6. Untuk makluman, perkhidmatan yang ditawarkan kepada pesara melalui Kaunter MyPesara seperti cetakan penyata pencen, cetakan surat kelulusan faedah fersaraan dan semakan status persaraan.

7. Di samping itu juga, kaunter MyPesara turut menerima permohonan pengemaskinian maklumat perkahwinan/penceraian; pengemaskinian maklumat anak; permohonan pencen terbitan bagi kematian dalam persaraan; permohonan bantuan mengurus jenazah; permohonan pertukaran akaun bank; permohonan pelantikan wakil Skim A; dan pelantikan wakil diri untuk pesara/penerima pencen.
8. Sehubungan itu, JPA amat berbesar hati dan berterima kasih di atas kerjasama seluruh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan persatuan pesara kerajaan kerana dapat mewujudkan perkhidmatan kaunter ini (Kaunter MyPesara).
9. Justeru itu, bagi merealisasikan usaha ini, Pengurusan Sumber Manusia (PSM) di setiap Pejabat SUK Negeri telah mengadakan program *Training of Trainers* (TOT) bersama dengan pihak JPA bagi meningkatkan dan memantapkan pemahaman perkhidmatan pengurusan persaraan di kalangan pegawai yang dilantik semasa melaksanakan tugas tersebut.
10. Selain itu daripada pelancaran kaunter MyPesara, pihak JPA turut mengadakan Program Libat Urus bersama Pengurus Sumber Manusia (PSM) atau lebih dikenali sebagai *HR-Day* bagi membantu agensi meningkatkan kecekapan tadbir urus sumber manusia di jabatan masing-masing.
11. Program ‘turun padang’ ini diadakan adalah selaras dengan hasrat Ketua Setiausaha Negara bagi memantapkan kefahaman penjawat awam ke atas dasar-dasar yang dikeluarkan oleh Kerajaan melalui pekeliling dan surat pekeliling di samping membantu menyelesaikan perkara-perkara berbangkit berkaitan pengurusan sumber manusia di agensi masing-masing dengan lebih cekap dan berkesan.
12. Melalui sesi sebegini, JPA akan dapat membina jaringan kolaborasi strategik dengan pihak Agensi-agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri untuk menambah baik peraturan sedia ada dalam memperkasakan pengurusan sumber manusia sektor awam. Antara aktiviti yang dijalankan ialah sesi dialog, sesi perkongsian ilmu, sesi khidmat runding dan bengkel.
13. Sebagai makluman, Negeri Melaka merupakan negeri kedua yang dipilih untuk menjadi tuan rumah kepada program Sesi Libat Urus JPA Bersama Pengurus Sumber Manusia (*HR Day*) yang berlangsung selama tiga hari bermula 25 hingga 27 Jun 2019 selain daripada Pejabat SUK Perak yang telah diadakan pada 29 dan 30 April lalu.

#####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 27 Jun 2019
Tel : 03 - 8885 3096/ 3146/ 3088
Emel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Ruj. : JPA.100-9/1/2(44)